

24 NOV 2002

Mahathir-Paris/I

DR MAHATHIR DAN CHIRAC BERTEMU UNTUK BINCANG PELBAGAI ISU

Oleh: Wan A.Hulaimi

PARIS, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamatkan jadual lawatannya yang sibuk di sini pada Sabtu dengan satu pertemuan di Istana Elysee dengan Presiden Perancis Jacques Chirac, yang beliau katakan kini "kurang pesimistik" mengenai keadaan di Iraq.

Mereka mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu termasuk Palestin, globalisasi dan hubungan dua hala.

Pertemuan peribadi, yang berakhir dengan Chirac menghidangkan juadah berbuka puasa seperti kurma dan pastri Perancis di Istana itu, merangkumkan jadual padat pada hari itu yang bermula dengan persidangan Paris II yang dihadiri 18 negara dan lima agensi kewangan mengenai bantuan ekonomi bagi pembinaan semula Lebanon.

Dr Mahathir tidak menghurai lanjut gesaan Presiden Perancis itu bagi mengurangkan pesimisme terhadap Iraq dalam perjumpaan singkatnya dengan sekumpulan pemberita Malaysia sebelum berlepas ke London dalam perjalanan pulang.

Chirac yang berseorangan di kalangan pemimpin Barat bangun pada Sidang Kemucak Nato di Praque minggu lepas dengan menyatakan pandangannya bahawa "tidak harus ada satu respons ketenteraan yang eksklusif terhadap keganasan."

Beliau mungkin melahirkan pendapat yang sama kepada Dr Mahathir dan juga kepercayaannya mengenai peranan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menyelesaikan pertikaian dengan negara-negara yang dikatakan "penyangak".

Pertemuan itu diadakan semasa hubungan Malaysia dan Perancis begitu baik sekali dengan Perancis menawarkan tiga lagi penerbangan kepada MAS ke Paris berbanding tiga sebelum ini menjadikannya enam penerbangan seminggu pada tahun baru.

Dr Mahathir yang hadir pada persidangan Paris II atas undangan peribadi Perdana Menteri Lebanon Rafic Hariri, terdahulu itu menjanjikan pinjaman sebanyak US\$300 juta (RM1.14 bilion) untuk membantu program pembinaan semula Lebanon.

Hariri mengucapkan penghargaannya dengan berkata kehadiran Dr Mahathir adalah "bersejarah" dan amat dihargai oleh negaranya bukan hanya kerana sumbangan wang itu tetapi juga kepentingan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin dunia Islam.

Persidangan itu mengumpulkan sebanyak US\$5 bilion seperti yang disasarkan Lebanon, yang mempunyai beban hutang kira-kira US\$50 bilion.

Arab Saudi menawarkan sumbangan terbesar sebanyak US\$700 juta, Perancis (satu-satunya di kalangan negara Eropah) US\$500 juta dan Malaysia serta negara Teluk lain mengumpulkan sumbangan berjumlah US\$4 billion. Baki US\$1 juta dijanjikan oleh negara-negara menerusi bantuan teknikal.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia akan mengkaji kemungkinan memperluaskan bantuan kepada Lebanon terutama dalam pembangunan teknologi maklumat (IT) dan pelancongan.

Dari Paris Dr Mahathir singgah di London melakukan lawatan tidak rasmi ke satu pameran kraftangan anjuran pejabat perdagangan Malaysia.

-- BERNAMA

WAH AZZ RON